

18/09/2000

Suqiu sedia berdialog

KUALA LUMPUR, Ahad - Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) mengulangi kesediaannya mengadakan dialog dengan mana-mana pihak berhubung isu 17 tuntutan yang dikemukakanannya.

Naib Pengerusinya, Chew Saw Eng, berkata pihaknya yakin menerusi dialog saja sebarang perselisihan faham mengenai isu tuntutan itu dapat diselesaikan secara baik.

"Perbincangan di meja bulat adalah cara terbaik bagi menyelesaikan segala perselisihan faham yang berlaku di antara pihak terbabit.

"Menerusinya, mereka berpeluang meluahkan pandangan dan isi hati masing-masing," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Namun, katanya, setakat ini pihaknya belum mendapat sebarang maklum balas daripada mana-mana pihak yang ingin mengadakan dialog berhubung isu itu.

Jumaat lalu, Suqiu mengadakan pertemuan selama satu jam dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusinya, Quek Suan Hing dalam sidang akhbar selepas pertemuan itu berkata, kedua-dua pihak melihat pertemuan itu sebagai perkembangan positif yang berlangsung dalam suasana terbuka dan ramah tamah.

Menurutnya, Dr Mahathir meluahkan pandangannya sebagai seorang pemimpin pelbagai kaum dalam pertemuan itu.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Pusat (CC) MCA, Donald Lim Siang Chai ketika dihubungi berkata, perjumpaan antara MCA dan Suqiu mungkin diadakan tidak lama lagi.

(END)